



PEMBENTUKAN IDENTITI NASIONAL DALAM MASYARAKAT PELBAGAI
BUDAYA: SATU KAJIAN KES DI UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

NUR NADIA BINTI LUKMANULHAKIM



TESIS DISEDIAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)



FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH**PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan)..... (bulan) 20.....

i. Perakuan pelajar:

Saya, _____
(SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku
bahawa disertasi/tesis yang bertajuk _____

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-
mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar
dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau
pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi
hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, _____ (NAMA PENYELIA) dengan ini
mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk _____

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut
Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh
Ijazah _____ (SILA NYATAKAN
NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia





PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dan tanda syukur dipanjatkan kepada Allah, tuhan sekalian alam. Selawat dan salam diucapkan buat Nabi Muhammad s.a.w, ahli keluarga dan sahabat-sahabat baginda. Semoga perjalanan yang memakan masa tiga tahun ini mendapat redha dan keberkatan dari-Nya.

Terima kasih ditujukan buat kedua-dua ibu bapa, Puan Noor Rehan binti Abd Rani dan En Lukmanulhakim bin Ahmad. Sokongan serta bekalan doa yang diucapkan setiap hari membantu anakmu ini menyiapkan tesis kajian beliau sehingga ke tahap ini. Dalam masa yang sukar mahupun senang, terima kasih kerana tidak berganjak dan percaya atas setiap keputusan yang anakmu lakukan.

Sekalung penghargaan yang tidak terhingga juga diberikan kepada penyelia, Prof Madya Dr Samsudin Suhaili. Dulu Prof Madya itu cuma angan-angan, tetapi kini sudah jadi kenyataan. Tiada lafaz yang dapat menggambarkan sokongan serta ilmu yang telah dicurahkan kepada anak muridmu ini. Moga keberkatan dan redha dari Tuhan yang Maha Esa sentiasa mengiringi perjalanan hidup Dr. Mohon doa agar anak muridmu ini akan terus memenuhi dahaganya kepada ilmu.

Tidak lupa kepada pensyarah-pensyarah lain yang menyaksikan jatuh bangun saya dalam pelaksanaan kajian ini, Dr Kalthum Umar, Dr Noranizahhafizah Boyman, Dr Hafizah Mohd Hed, Dr Hanifah Mahat dan lain-lain. Terima kasih atas ilmu dan tunjuk ajar yang diberikan tanpa penat dan lelah.





ABSTRAK

Pembentukan identiti nasional di Malaysia adalah suatu perkara yang rumit kerana kewujudan kepelbagaian budaya dalam masyarakat. Kajian kes ini bertujuan untuk meneliti pembinaan identiti masyarakat pelbagai budaya khususnya mahasiswa di Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti identiti sosial, membentuk hierarki identiti sosial serta mengenal pasti kaedah pembentukan identiti nasional. Teori utama yang mendasari kajian ini adalah teori identiti sosial oleh Tajfel dan Turner. Teori ini menerangkan tiga proses utama pembentukan identiti sosial iaitu (a) pengkategorian sosial, (b) identifikasi sosial, dan (c) perbandingan sosial. Enam elemen masyarakat pelbagai budaya pula diambil daripada model Banks iaitu etnik, bahasa, agama, gender, status sosioekonomi serta keupayaan mental dan fizikal. Responden kajian terdiri daripada 149 orang mahasiswa (119 responden untuk soal selidik dan 30 peserta untuk temu bual) dan 5 orang pegawai Hal Ehwal Pelajar yang telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik and protokol temu bual. Instrumen kajian iaitu soal selidik telah disahkan oleh dua orang pakar dan kebolehpercayaan instrumen soal selidik didapati tinggi dengan pekali *Cronbach Alpha* adalah sebanyak $\alpha = 0.87$. Hasil kajian utama daripada soal selidik mendapati identiti agama adalah identiti sosial yang menduduki hierarki tertinggi ($M = 4.29$; $SP = 0.66$), diikuti dengan identiti bahasa ($M = 3.78$; $SP = 0.78$) dan gender ($M = 3.77$; $SP = 0.97$). Hasil temu bual pula telah menerbitkan beberapa tema utama dalam perancangan pembentukan identiti nasional di UPSI iaitu (a) interaksi dan komunikasi dalam kelas, (b) penglibatan ko-kurikulum, (c) aktiviti kebudayaan dan patriotisme. Kesimpulannya, pembentukan identiti nasional dalam kalangan mahasiswa UPSI adalah berfokuskan kepada elemen komunikasi dan interaksi. Implikasi kajian menyarankan pembentukan identiti nasional pada masa hadapan di institusi pengajian tinggi perlu mengambil kira hierarki identiti sosial dalam peneguhan gagasan Bangsa Malaysia yang bersatu padu.





FORMATION OF NATIONAL IDENTITY IN MULTICULTURAL SOCIETY: CASE STUDY AT SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

ABSTRACT

Malaysia's national identity formation is such a complex process due to the composition of Malaysia's culturally diverse groups. This case study was conducted to explore the identity formation in multicultural society specifically among students of Sultan Idris Education University. The purpose of the study was to determine the social identity, to establish social identity hierarchy and to identify methods of national identity formation. Main theory used in the study was social identity theory by Tajfel and Turner. The theory describes three processes of social identity formation which are (a) social categorisation, (b) social identification, and (c) social comparison. Six elements of multicultural society used in this study were adapted from Banks which include ethnic, language, religion, gender, socioeconomic status, mental and physical ability. A sample of 149 students (119 respondents for the survey and 30 participants for the interviews) and 5 officers from Department of Student Affairs were selected using purposive sampling. Research instruments comprised a set of questionnaires and interview protocols. The questionnaire has been validated by two experts and the reliability of the questionnaire was relatively high with the value of Cronbach Alpha $\alpha = 0.87$. Data from the questionnaires showed that religious identity occupies the highest hierarchy ($M = 4.29$; $SD = 0.66$), followed by language identity ($M = 3.78$; $SD = 0.78$) and gender ($M = 3.77$; $SD = 0.97$). A few themes emerged from the interview data regarding national identity formation methods in UPSI which include (a) communication and interaction in class, (b) co-curriculum participation, and (c) cultural and patriotic activities. In conclusion, the formation of national identity among UPSI students are focused on the elements of interaction and communication. This study implicates that the future national identity formation in higher education should take into account social identity hierarchy in order to strengthen the idea of Bangsa Malaysia.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan Kajian	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Permasalahan Kajian	10
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Kerangka Teoretikal	15
1.7 Skop dan Batasan Kajian	20
1.8 Definisi Operasional	22
1.8.1 Identiti Nasional	23





1.8.2	Negara-bangsa	26
1.8.3	Masyarakat Pelbagai Budaya	30
1.9	Kepentingan Kajian	34
1.10	Penutup	36

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	37
2.2	Teori Identiti Sosial dan konsep pelbagai identiti	40
2.3	Negara-bangsa sebagai asas kepada identiti nasional	53
2.4	Masyarakat Pelbagai Budaya Malaysia dan Cabaran Identiti Nasional	59
2.5	Pembentukan Identiti Nasional dan Peranan Pendidikan	68
2.6	Penutup	80



BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	81
3.2	Reka Bentuk Kajian	82
3.3	Skop dan Batasan Kajian	84
3.3.1	Lokasi Kajian	85
3.3.2	Populasi Kajian	85
3.3.3	Persampelan Kajian	88
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	94
3.4.1	Prosedur Temu Bual Separa Berstruktur	98
3.4.2	Prosedur Soal Selidik	99
3.5	Instrumen Kajian	100
3.6	Kajian Rintis	102



3.7	Prosedur Analisis Data	103
-----	------------------------	-----

3.8	Penutup	104
-----	---------	-----

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	105
-----	-------------	-----

4.2	Demografi Responden	106
-----	---------------------	-----

4.3	Analisis Data Kualitatif	113
-----	--------------------------	-----

4.3.1	Identiti Sosial Utama dalam Kalangan Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris	114
-------	---	-----

4.3.1.1	Proses Identifikasi Mahasiswa Terhadap Identiti Sosial di Universiti Pendidikan Sultan Idris	115
---------	--	-----

4.3.1.2	Identiti Sosial dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Pendidikan Sultan Idris	126
---------	--	-----

4.3.1.2.a	Identiti Sosial dalam Kategori Etnik	126
-----------	--------------------------------------	-----

4.3.1.2.b	Identiti Sosial dalam Kategori Bahasa	129
-----------	---------------------------------------	-----

4.3.1.2.c	Identiti Sosial dalam Kategori Agama	132
-----------	--------------------------------------	-----

4.3.1.2.d	Identiti Sosial dalam Kategori Gender	134
-----------	---------------------------------------	-----

4.3.1.2.e	Identiti Sosial dalam Kategori Keupayaan Mental dan Fizikal	136
-----------	---	-----

4.3.1.2.f	Identiti Sosial dalam Kategori Status Sosioekonomi	139
-----------	--	-----

4.3.2	Perancangan dan Kaedah dalam Pembentukan Identiti Nasional di Universiti Pendidikan Sultan Idris	141
-------	--	-----

4.4	Analisis Data Kuantitatif	150
-----	---------------------------	-----

4.4.1	Frekuensi Identiti Sosial	151
4.4.2	Analisis Deskriptif Identiti Sosial	170
4.5	Penutup	173

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pendahuluan	175
5.2	Prosedur Kajian	176
5.3	Identiti Sosial dan Perancangan Pembentukan Identiti Nasional dalam Kalangan Mahasiswa	177
5.3.1	Identiti Sosial dalam Kalangan Mahasiswa	177
5.3.2	Pembentukan Hierarki Identiti Sosial dalam Kalangan Mahasiswa	182
5.3.3	Perancangan Pembentukan Identiti Nasional oleh Pihak Pengurusan UPSI	186
5.4	Implikasi Kajian	188
5.4.1	Implikasi kepada Identiti Sosial dalam Masyarakat Pelbagai Latar Budaya di Malaysia	188
5.4.2	Implikasi kepada Perancangan Pembentukan Identiti Nasional di UPSI	190
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	191
5.6	Kesimpulan	193

RUJUKAN	195
----------------	-----

LAMPIRAN	209
-----------------	-----



SENARAI JADUAL

No Jadual		Muka Surat
2.1	Pecahan Masyarakat Malaysia mengikut etnik	59
3.1	Perubahan soalan dalam prosedur temu bual	100
3.2	Perubahan bahasa dalam instrumen soal selidik	101
3.3	Nilai ujian pekali <i>Cronbach Alpha</i>	103
4.1	Sampel kajian yang terlibat	106
4.2	Demografi Responden Temu bual Kajian	107
4.3	Demografi Responden Soal Selidik	110
4.4	Kod-kod dalam Tema Hubungan Antara Mahasiswa	117
4.5	Kod-kod dalam tema Komunikasi antara Mahasiswa	122
4.6	Kod-kod dalam Tema Imej Mahasiswa	125
4.7	Pengelasan frekuensi skor min	151
4.8	Frekuensi responden bagi setiap skor serta skor min berdasarkan soalan kategori bahasa	154
4.9	Frekuensi responden bagi setiap skor serta skor min berdasarkan soalan kategori status sosioekonomi	157
4.10	Jumlah responden bagi setiap skor dan skor min yang diperoleh bagi setiap soalan dalam kategori keupayaan mental dan fizikal	160
4.11	Jumlah Responden Setiap Skor dan Skor Min bagi Setiap Soalan dalam kategori gender	163
4.12	Jumlah Responden Setiap Skor dan Skor Min bagi Setiap Soalan dalam Kategori Agama	166





4.13	Jumlah Responden Setiap Skor dan Skor Min bagi Setiap Soalan dalam Kategori Etnik	169
4.14	Skala nilai skor min mengikut tahap	170
4.15	Nilai skor min, median, sisihan piawai, tahap serta kedudukan bagi setiap kategori.	172





SENARAI RAJAH

No Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teoretikal Kajian	16
3.1	Carta Alir Populasi Kajian	86
3.2	Carta Alir Persampelan Kajian	90
3.3	Carta Alir Sampel Soal Selidik Kajian	93
3.4	Rangka Kerja Kajian	96
4.1	Demografi Responden Temu bual Mengikut Jantina	108
4.2	Demografi Responden Temu bual Mengikut Agama	108
4.3	Demografi Responden Temu bual Mengikut Etnik	109
4.4	Pecahan Demografi Soal Selidik berdasarkan Jantina	111
4.5	Pecahan Responden Soal Selidik berdasarkan Agama	111
4.6	Pecahan Responden Soal Selidik berdasarkan Etnik	112
4.7	Pecahan Responden Soal Selidik berdasarkan Pendapatan Isi Rumah	113
4.8	Perbandingan skor min dan median	173





SENARAI SINGKATAN

AA	Akademik & Akhlak
B40	Kumpulan pendapatan isi rumah bawah 40%
M40	Kumpulan pendapatan isi rumah pertengahan 40%
DAP	<i>Democractic Action Party</i>
JHEPA	Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
HEPA	Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
KMM	Kesatuan Melayu Muda
MCA	<i>Malayan Chinese Association/Malaysian Chinese Association</i>
MIC	<i>Malayan Indian Congress/Malaysian Indian Congress</i>
MMK	Majlis Mahasiswa Kolej
MPP	Majlis Perwakilan Pelajar
PKM	Persatuan Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PEKEMBAR	Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UMNO	<i>United Malay National Organisation</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A** Instrumen Soal Selidik
- B1** Instrumen Prosedur Temu Bual Mahasiswa
- B2** Instrumen Prosedur Temu Bual Pegawai JHEPA
- C** Surat Pelantikan Pakar Penilai Instrumen Soal Selidik
- D** Surat Pengesahan Menjalankan Penyelidikan
- E** Borang Kebenaran Menjalankan Temu Bual





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Dalam kehidupan manusia, penelitian diri menerusi eksposisi identiti amat signifikan dalam meneliti kemudiannya sentiasa kekal dalam satu generasi ke satu generasi. Dalam konteks masyarakat pelbagai budaya Malaysia, identiti juga memberi erti besar dalam memastikan kehidupan yang harmoni, bersatu-padu dan aman damai. Proses pembentukan identiti nasional boleh dikenal pasti berdasarkan kepada proses pembentukan identiti secara umum. Pembentukan identiti melibatkan empat komponen





iaitu input, standard identiti, satu pembandingan dan output (Burke & Stets, 2009). Input adalah merujuk kepada makna yang dibentuk daripada maklumat yang diterima oleh seseorang individu daripada persekitaran dalam pelbagai bentuk sama ada perbualan atau bahan bercetak. Standard identiti pula adalah merujuk kepada satu piawai identiti yang digunakan oleh sesebuah masyarakat. Setiap komponen dalam pembentukan identiti adalah proses yang melibatkan makna yang diterima daripada persekitaran dan diri sendiri. Setiap komponen ini membentuk satu kitaran yang memproses makna yang diterima daripada persekitaran dan diri bagi memastikan makna yang dihasilkan adalah selari dengan identiti seseorang.

Oleh hal yang demikian, pembentukan identiti nasional di sesebuah negara turut melibatkan kitaran yang memproses makna melalui pelbagai cara. Cara yang jelas dapat dilihat adalah melalui pembentukan elemen budaya yang menjadi komponen kepada identiti nasional. Banyak gerakan nasionalisme di seluruh dunia menggerakkan elemen budaya terutamanya bahasa dalam usaha untuk menyemarakkan semangat nasionalisme bagi memperoleh kemerdekaan untuk negara mereka. Pembentukan elemen bahasa ini adalah melalui penghasilan karya sastera yang menyebarkan semangat nasionalisme kepada masyarakat. Karya oleh Jose Rizal 'Noli Me Tangere' dari Filipina dan Jose Joaquin Fernandez de Lizardi 'El Periquillo Sarniento' dari Mexico membantu menyemarakkan nasionalisme dalam kalangan penduduk negara masing-masing (Anderson, 2006). Malah di Malaysia, bahan bacaan Bahasa Melayu seperti Al-Imam, Saudara, Pengasuh, Majlis dan Warta Malaya membantu menimbulkan kesedaran politik dan sosial masyarakat Melayu (A. Ishak, 2010).





Bahasa dalam konteks ini berperanan sebagai input melalui karya sastra dan bahan bercetak yang membentuk identiti masyarakat terutamanya orang Melayu pada zaman sebelum kemerdekaan sebagai satu komuniti politik. Evolusi bahan bercetak telah membantu bahasa memainkan peranan dalam menyemarakkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat. Bahasa sebagai sebahagian daripada elemen budaya, menjadi input kepada masyarakat dalam pembentukan identiti nasional. Input yang diperoleh ini membentuk makna yang kemudiannya dibandingkan dengan standard identiti yang wujud dalam masyarakat Melayu pada zaman sebelum kemerdekaan Tanah Melayu. Hasilnya, wujud identiti ketika itu yang dimanifestasikan sebagai Bangsa Melayu.



Pembentukan identiti nasional Malaysia menjadi rumit kerana pembentukan negara Malaysia yang tidak bermula dengan kewujudan identiti nasional Malaysia. Sebaliknya, identiti Melayu terlebih dahulu diwujudkan yang kemudiannya menjadi asas kepada gerakan nasionalisme yang tersusun di Tanah Melayu. Gerakan nasionalisme yang tersusun di Tanah Melayu pada tahun 1957 bermula selepas pengisytiharan *Malayan Union* oleh British pada tahun 1941. Sejumlah 41 buah pertubuhan Melayu menyertai Perhimpunan Kongres Melayu seluruh Tanah Melayu dalam usaha untuk menentang *Malayan Union* (Watson & Andaya, 1982). Idea *Malayan Union* oleh British ini mendapat tentangan keras oleh pertubuhan-pertubuhan Melayu kerana kuasa pemerintahan Tanah Melayu yang kemudiannya berpindah sepenuhnya kepada British. Ketiadaan identiti nasional Malaysia sebelum pembentukan sebuah negara Malaysia menyebabkan perbincangan berkenaan identiti nasional Malaysia masih berterusan sehingga ke hari ini.





Oleh itu, adalah penting untuk Malaysia mengambil kira fenomena kepelbagaian budaya dalam usaha membentuk satu identiti nasional. Masyarakat pelbagai budaya merujuk kepada kehadiran dua budaya atau lebih dalam sesuatu masyarakat. Fenomena kepelbagaian budaya boleh dilihat melalui enam kategori utama yang digariskan oleh Banks (2016) iaitu etnik, agama, gender, status sosioekonomi, keupayaan mental dan fizikal serta lain-lain (Banks & Banks, 2016). Kategori bahasa ditambah sebagai sebahagian daripada enam kategori di atas kerana kewujudan kepelbagaian bahasa yang ada di Malaysia. Perbincangan oleh Awang Sariyan (2014) juga menyatakan peranan penting Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam menjadi asas kepada pembentukan tamadun Bangsa Malaysia (Sariyan, 2014). Kewujudan kepelbagaian budaya melalui setiap kategori ini menunjukkan kepelbagaian identiti sosial sosial yang wujud di Malaysia. Contoh yang jelas dapat dilihat melalui kumpulan etnik di Malaysia seperti etnik Melayu, Cina, India dan Iban yang membawa budaya yang tersendiri sebagai identiti yang membezakan satu kumpulan etnik dengan kumpulan etnik yang lain. Perbincangan sebelum ini jelas menunjukkan kepentingan elemen budaya dalam pembentukan identiti nasional.

Maka, kajian ini ingin memberi tumpuan kepada penelitian terhadap persoalan pembentukan identiti nasional di Malaysia melalui kepelbagaian identiti yang wujud dalam masyarakat pelbagai budaya Malaysia. Tujuan kajian ini adalah untuk Perbincangan berkenaan budaya yang wujud dalam masyarakat Malaysia seharusnya mencakupi kategori selain daripada kategori etnik. Hal ini kerana, kepelbagaian budaya yang wujud dalam masyarakat di Malaysia juga memberi ruang dan peluang kepada setiap kumpulan sosial untuk mendahulukan kepentingan masing-masing dalam soal





pembentukan identiti nasional. Maka, penelitian yang lebih mendalam terhadap kepelbagaian identiti serta pendekatan yang diguna pakai dalam pembentukan identiti nasional harus diberi tumpuan dalam pembentukan identiti nasional di Malaysia.

Oleh hal yang demikian, kajian ini akan membincangkan dengan mendalam berkenaan kepelbagaian identiti yang wujud dalam masyarakat pelbagai budaya di Malaysia. Perbincangan berkenaan kepelbagaian identiti ini mencakupi enam kategori sosial dalam masyarakat pelbagai budaya iaitu identiti etnik, identiti bahasa, identiti agama, identiti gender, identiti keupayaan mental dan fizikal serta identiti status sosioekonomi. Perbincangan secara khusus berkenaan pelbagai identiti ini adalah penting dalam usaha untuk membina gambaran menyeluruh berkenaan kepelbagaian identiti masyarakat pelbagai budaya di Malaysia. Perbincangan kemudiannya dilanjutkan kepada penelitian terhadap hierarki identiti sosial yang telah dikenal pasti dalam enam kategori tersebut bagi melihat keterikatan mahasiswa terhadap identiti yang telah dikenal pasti. Hierarki identiti sosial berdasarkan enam kategori tersebut adalah penting bagi menentukan keterikatan identiti sosial tersebut dalam kalangan mahasiswa. Keterikatan mahasiswa terhadap identiti sosial tersebut signifikan dalam membincangkan pembentukan identiti nasional dalam kalangan mahasiswa di universiti. Hal ini kerana terdapat keperluan untuk menyesuaikan perancangan dan kaedah pembentukan identiti nasional mengikut keadaan masyarakat pelbagai budaya di Malaysia. Maka, kajian ini juga akan membincangkan berkenaan perancangan dan kaedah pembentukan identiti nasional di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Ini selari dengan keperluan untuk menyesuaikan perancangan dan kaedah pembentukan identiti nasional dengan keadaan masyarakat pelbagai budaya di Malaysia.





1.2 Latar Belakang Kajian

Dalam hal pembentukan identiti nasional di Malaysia, cabaran pembentukan identiti nasional yang pertama adalah perubahan identiti nasional yang bersifat mono-etnik kepada multi-etnik. Perubahan ini berikutan perubahan komposisi masyarakat sebelum merdeka daripada bersifat mono etnik kepada multi etnik terutamanya selepas kemasukan migran Cina dan India ke Tanah Melayu dan pembentukan Malaysia melalui kemasukan Sabah dan Sarawak (Lukman Z, 2001). Perubahan komposisi masyarakat tersebut merubah senario masyarakat menjadi lebih rencam dalam aspek budaya.



Melayu yang melalui perubahan menjadi satu identiti etnik (M. M. Ishak, 2014). Perubahan yang berlaku ini merumitkan proses pembentukan negara bangsa di Malaysia kerana kewujudan bangsa yang melibatkan satu kumpulan daripada pelbagai kumpulan yang wujud dalam masyarakat Malaysia. Berbeza dengan negara lain seperti Amerika Syarikat dan Vietnam, gelombang nasionalisme yang membawa kepada gerakan menuntut kemerdekaan di negara masing-masing bermula dengan kesedaran masyarakat negara tersebut sebagai satu komuniti politik. Ini dapat dilihat melalui evolusi gerakan nasionalisme di Vietnam yang berjuang menentang penjajah Perancis atas kesedaran yang terbentuk dalam masyarakat Vietnam (Johnston, 1973). Kesedaran ini terbentuk disebabkan penindasan yang dijalankan oleh penjajah Perancis yang diperjuangkan melalui empat cara iaitu memperoleh dominasi politik melalui kerjasama dengan penjajah, menghalau orang asing secara paksa, mendapatkan





sokongan daripada kuasa besar lain yang boleh membantu menghalau Perancis atau melalui gabungan ketiga-tiga cara tersebut. Kelainan gerakan di negara seperti Vietnam dengan Malaysia adalah kejayaan membentuk negara berasaskan kepada gelombang nasionalisme yang melanda negara tersebut.

Peranan nasionalisme dalam pembentukan negara bangsa disebut oleh Billig (1996) yang menyatakan definisi nasionalisme sebagai ideologi apabila individu bertindak untuk membentuk negara daripada negara-bangsa (Billig, 1996). Gerakan nasionalisme Melayu di Tanah Melayu bermula aktif dengan penubuhan *Malayan Union* pada tahun 1946. Sementara itu, penubuhan pertubuhan Melayu yang terdiri daripada UMNO, PKMM dan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR) bermula selepas idea *Malayan Union* diusulkan oleh British (Arkib Negara Malaysia, 2019). Protes besar-besaran digerakkan oleh pertubuhan-pertubuhan ini kerana ancaman yang diterima melalui ratifikasi *Malayan Union* secara khususnya melalui menggugat kedudukan raja-raja Melayu dan meletakkan pemerintahan jajahan Tanah Melayu secara terus di bawah Gabenor British (Arkib Negara Malaysia, 2019a).

Ancaman terhadap institusi raja-raja Melayu dan hak kewarganegaraan berprinsipkan *jus soli* telah menyemarakkan gerakan nasionalisme Melayu. Hasilnya, *Malayan Union* dibatalkan dan digantikan dengan Persekutuan Tanah Melayu yang ditubuhkan pada 1948. Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu (1948) merupakan satu langkah ke hadapan bagi gerakan nasionalisme Melayu. Hal ini kerana gerakan nasionalisme Melayu PKMM mempunyai impian untuk menubuhkan negara yang dipanggil Melayu Raya yang menggabungkan wilayah Indonesia dan Malaysia sebagai





satu negara Melayu (Adam, 2001). Walau bagaimanapun, gerakan nasionalisme Melayu yang terdiri daripada beberapa pertubuhan ini tidak berjaya membentuk negara bagi orang Melayu di sebalik kejayaan dalam penentangan terhadap *Malayan Union*. Gerakan nasionalisme Melayu ini memerlukan kerjasama daripada etnik lain untuk membentuk sebuah negara (Lukman Z, 2001). Kewujudan Bangsa Melayu dan identiti Melayu dalam kalangan masyarakat Tanah Melayu pada ketika itu tidak cukup untuk membentuk satu negara Melayu.

Tanah Melayu selepas mencapai kemerdekaan dan kejayaan dalam pembentukan Malaysia kemudiannya menterjemahkan kerjasama antara etnik ini dalam bentuk politik. Parti Perikatan yang terdiri daripada *United Malay National Organisation* (UMNO), *Malayan Chinese Association* (MCA) dan *Malayan Indian Congress* (MIC) yang mewakili kaum Melayu, Cina dan India menyertai pilihan raya sebelum kemerdekaan pada tahun 1955 (Watson & Andaya, 1982). Parti Perikatan ini telah memenangi hampir kesemua kerusi dalam pilihan raya tersebut. Parti Perikatan atau nama kini Barisan Nasional terus memperoleh kemenangan dalam pilihan raya seterusnya sehingga pilihan raya umum 2018.

Kerjasama antara etnik yang diterjemahkan ke dalam bentuk politik ini membawa kepada politik berteraskan kepentingan etnik. Parti yang dianggap mewakili berlainan etnik berterusan membawa agenda untuk kepentingan etnik masing-masing. Tunku Abdul Rahman ketika pemerintahannya sebagai Perdana Menteri menerima desakan daripada golongan nasionalis Melayu kerana tindakan Tunku melambatkan penggunaan Bahasa Melayu secara menyeluruh (Boon Kheng, 2002). Bukan itu sahaja,





Tunku juga menerima desakan untuk penerimaan pendidikan Cina dan meletakkan bahasa Mandarin sebagai bahasa kebangsaan. Desakan yang diterima daripada etnik Melayu dan Cina ini meletakkan parti yang mewakili etnik masing-masing memperjuangkan tuntutan-tuntutan tersebut demi kelangsungan kuasa parti masing-masing.

Maka, perbincangan berkenaan identiti nasional di Malaysia tidak dapat lari daripada melibatkan persoalan hubungan etnik. Hal ini kerana, pembentukan identiti nasional adalah melibatkan perkongsian nilai, budaya, kawasan serta institusi undang-undang yang sama. Hubungan etnik yang kukuh tidak dinafikan adalah faktor penting dalam membentuk perkongsian nilai dan budaya dalam kalangan masyarakat. Walau bagaimanapun, amalan politik yang mendahulukan kepentingan etnik masing-masing akan menghalang pembentukan identiti nasional.

Faktor etnik bukanlah satu-satunya faktor yang perlu diambil kira dalam pembentukan identiti nasional. Perkongsian budaya yang dimaksudkan dalam pendefinisian identiti nasional juga meliputi bahasa, agama, gender, status sosioekonomi serta keupayaan mental dan fizikal. Keenam-enam elemen ini mempunyai identiti sosial tersendiri. Kumpulan yang merasakan identiti sosial mereka terancam akan menguatkan lagi pegangan mereka terhadap identiti tersebut (Gudeman, 2002). Jelas bahawa sintesis identiti nasional ke dalam masyarakat perlu mengambil kira kewujudan identiti sosial yang lain iaitu identiti etnik, agama, gender, bahasa, keupayaan mental dan fizikal serta status sosioekonomi. Hal ini menyebabkan perlunya untuk perancangan yang tepat digunakan dalam pembentukan identiti nasional.





Demi memelihara identiti sosial masing-masing, sama ada kumpulan agama, ataupun kumpulan bahasa, setiap kumpulan melakukan pelbagai langkah bagi memastikan identiti sosial mereka terpelihara. Tuntutan yang dihadapi Tunku Abdul Rahman bukan hanya meliputi tuntutan kumpulan etnik melibatkan status etnik khususnya etnik Melayu, selain melibatkan elemen budaya yang lain seperti bahasa yang telah dibincangkan sebelum ini. Maka, kajian ini cuba meneliti identiti sosial pelbagai budaya dalam masyarakat Malaysia dalam usaha pembentukan identiti nasional Malaysia.

1.3 Permasalahan Kajian



Kepelbagaian identiti yang terdapat dalam masyarakat pelbagai budaya Malaysia secara langsung telah menjadi keunikan kepada imej Malaysia. Namun dalam persoalan pembentukan identiti nasional, kepelbagaian identiti ini menjadikan proses pembentukan identiti nasional menjadi lebih rumit. Walaupun negara dapat menjana pertumbuhan ekonomi yang pesat saban tahun, Malaysia tidak dapat menunjukkan prestasi yang serupa dalam soal pembentukan identiti nasional (Beech & Kuppusamy, 2007). Pembentukan identiti nasional dalam masyarakat Malaysia adalah melibatkan proses integrasi nasional yang merupakan proses penting dalam memupuk kesatuan dalam masyarakat di sesuatu negara ke arah pembentukan identiti nasional. Proses integrasi nasional di Malaysia juga menghadapi pelbagai cabaran kerana kepelbagaian identiti dalam masyarakat Malaysia. Noriyuki Segawa (2017) dalam tulisan beliau berkenaan politik berasaskan etnik di Malaysia menyatakan bahawa kewujudan dua





lapisan politik berasaskan etnik di Malaysia menyebabkan terbantutnya proses integrasi nasional di Malaysia (Segawa, 2017). Proses integrasi nasional di Malaysia yang terbantut adalah disebabkan oleh kesukaran untuk membentuk satu rangka polisi negara bangsa yang jelas dan konsisten berikutan kewujudan politik berasaskan etnik di Malaysia.

Bukan itu sahaja, pembentukan identiti nasional di Malaysia ini juga mendapat tafsiran yang berbeza mengikut kepentingan kumpulan masing-masing. Pendekatan pendefinisian identiti nasional di Malaysia dibahagikan kepada pendefinisian berdasarkan pihak kerajaan dan pendefinisian mengikut kumpulan dalam masyarakat (Shamsul, 1996). Pendefinisian identiti nasional kerajaan adalah berdasarkan kepada Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang menggariskan; (1) rakyat asal Nusantara sebagai teras kebudayaan, (2) budaya kaum lain yang bersesuaian dengan diserap masuk melalui proses penyerapan dan penyesuaian yang berterusan, serta (3) Islam sebagai teras kebudayaan agama (Kementerian Kebudayaan, 1971). Pendefinisian identiti nasional oleh kerajaan dalam hal ini menekankan identiti kaum Bumiputera.

Walau bagaimanapun, tidak semua pihak dalam masyarakat bersetuju dengan pendefinisian ini. Golongan bukan Bumiputera misalannya tidak bersetuju dengan pendefinisian kerajaan kerana merasakan budaya kaum-kaum lain juga perlu diletakkan sama taraf dengan kaum Bumiputera. Parti politik seperti DAP menggunakan pendekatan *Malaysian Malaysia* bagi mendefinisikan identiti nasional dengan pandangan bahawa taraf antara bumiputera dan juga bukan Bumiputera perlulah sama tanpa satu etnik melebihi etnik yang lain (Ramli & Othman, 2012).





Dua lagi golongan lain yang memberi tafsiran berbeza berkenaan identiti nasional Malaysia ialah kumpulan Bumiputera bukan Islam dan kumpulan Islam yang radikal (Shamsul, 1996). Golongan Bumiputera bukan Islam tidak bersetuju dengan status yang diberikan kepada agama Islam. Bagi mereka, agama lain seperti Kristian juga perlu diberikan sama status dengan agama Islam. Manakala bagi golongan Islam radikal, pendefinisian yang diberikan oleh kerajaan tidak terlalu menekankan berkenaan agama Islam dan tidak cukup. Penekanan yang lebih perlu diberikan kepada agama Islam dalam bentuk undang-undang seperti yang diperjuangkan oleh Parti Islam Se Malaysia (PAS) dalam soal hudud.

Populasi masyarakat Malaysia yang rencam dengan etnik dan kaum menyebabkan wujudnya pelbagai kumpulan dengan pelbagai tafsiran identiti nasional yang tersendiri. Oleh itu, kepelbagaian budaya di Malaysia tidak seharusnya hanya dilihat dalam konteks etnik semata. Ini kerana, selain daripada elemen etnik, elemen agama, bahasa dan gender dalam kepelbagaian budaya juga perlu diambil kira. Kajian terdahulu juga menunjukkan identiti agama menduduki hierarki tertinggi komponen identiti sosial diikuti dengan etnik, gender dan kewarganegaraan (Ratnasingam, 2010). Oleh hal yang demikian, amat perlu supaya pembentukan identiti nasional dilihat berdasarkan pendekatan masyarakat pelbagai budaya.

Perolehan kajian oleh Ratnasingam (2010) itu juga sama sekali berbeza dengan fokus yang ditumpukan kerajaan dalam dasar dan polisi bagi pembentukan identiti nasional. Dasar kerajaan dalam pembentukan identiti nasional melalui Dasar Ekonomi Baru memfokuskan kepada keseimbangan sosioekonomi masyarakat. Walau





bagaimanapun, pelaksanaan dasar ini adalah berdasarkan kepada faktor etnik. Bantuan kepada Bumiputera melalui Dasar Ekonomi Baru adalah disebabkan penelitian ketidakseimbangan jurang sosioekonomi antara Bumiputera dan bukan Bumiputera. Tumpuan kepada jurang ketidakseimbangan sosioekonomi dalam hal ini masih diteliti daripada perspektif etnik berbanding perspektif status sosioekonomi dan keupayaan mental dan fizikal.

Pendekatan dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan juga banyak menekankan elemen etnik dalam setiap peringkat pendidikan. Pada peringkat pendidikan tinggi, contoh jelas adalah seperti kewujudan subjek wajib universiti iaitu hubungan etnik yang merupakan sebahagian daripada syarat wajib bagi mahasiswa mendapatkan sijil mereka. Ini mewujudkan kelompangan berkenaan persoalan identiti nasional dalam masyarakat pelbagai budaya. Persoalan identiti nasional yang terlalu memfokuskan kepada kategori etnik menyebabkan huraian identiti nasional berdasarkan kategori lain tidak diberi perhatian sewajarnya. Maka, amat penting bagi penilaian berkenaan pembentukan identiti nasional dibuat berdasarkan perspektif budaya yang menyeluruh. Kajian menyeluruh ke atas identiti sosial dalam masyarakat pelbagai budaya dapat membantu dalam mengetahui elemen sebenar yang patut menjadi fokus dalam usaha pembentukan identiti nasional Malaysia.





1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti pembinaan identiti berdasarkan konteks masyarakat pelbagai budaya dalam kalangan mahasiswa universiti awam Malaysia. Oleh hal yang demikian, objektif khusus kajian ini adalah:

- i. Mengetahui pasti identiti sosial dalam kalangan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- ii. Membentuk hierarki identiti sosial dalam kalangan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- iii. Menganalisis perancangan dan kaedah yang digunakan oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam pembinaan identiti nasional dalam kalangan mahasiswa.



1.5 Persoalan Kajian

- 1.5.1 Apakah elemen-elemen identiti sosial utama dalam kalangan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris?
- 1.5.2 Apakah hierarki identiti sosial dalam kalangan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris?
- 1.5.3 Apakah perancangan dan kaedah yang digunakan oleh pihak Universiti Awam (UA) dalam pembinaan identiti nasional dalam kalangan khususnya mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris?






1.6 Kerangka Teoretikal

Kerangka teoretikal kajian adalah berdasarkan kepada Teori Identiti Sosial yang diasaskan oleh Tajfel pada tahun 1978 yang kemudiannya dihuraikan oleh Turner pada tahun 1987. Identiti sosial adalah berdasarkan kepada identifikasi seseorang terhadap satu kumpulan sosial (Hogg, Abrams, Otten, & Hinkle, 2004). Kumpulan sosial dalam hal ini, digambarkan sebagai sekumpulan individu yang berkongsi pandangan bahawa mereka adalah ahli daripada kategori sosial yang sama (Burke & Stets, 2009). Seseorang individu boleh mempunyai keahlian dalam beberapa kumpulan pada masa yang sama. Ini membawa maksud, seseorang individu mempunyai beberapa identiti sosial pada masa yang sama. Oleh hal yang demikian, identiti sosial yang wujud dalam diri seseorang individu adalah bergantung kepada struktur sosial masyarakat individu tersebut berada. Kategori sosial merupakan sebahagian daripada struktur sosial yang wujud dalam masyarakat. Kajian ini menggunakan kategori sosial masyarakat pelbagai budaya oleh Banks yang menggariskan enam kategori pelbagai budaya iaitu etnik, bahasa, agama, gender, keupayaan mental dan fizikal serta status sosioekonomi. Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teoretikal kajian ini berdasarkan Tajfel & Turner (1987) dan Banks (2016).





Rajah 1.1 Kerangka Teoretikal Kajian, adaptasi dari Tajfel dan Turner, 1987 dan Banks, 2016.





Teori identiti sosial melibatkan tiga proses iaitu pengkategorian sosial, perbandingan sosial dan identifikasi sosial. Tiga proses ini merupakan proses asas dalam pembinaan identiti sosial seseorang. Proses ini adalah melibatkan pengelasan seseorang individu mengikut kumpulan sosial tertentu, bergantung kepada ciri yang dipunyai seseorang individu dan diidentifikasi oleh individu lain. Konsep seperti stereotaip dan prejudis yang wujud dalam masyarakat berasal daripada proses pengkategorian sosial (McGarty, 2018). Stereotaip dan prejudis merupakan satu cara pandang oleh ahli dalam masyarakat dalam mengkategorikan seseorang individu

Satu lagi proses asas dalam pembentukan identiti sosial ialah proses perbandingan sosial. Proses perbandingan sosial adalah melibatkan ahli satu kumpulan membuat perbandingan dalam membezakan kumpulan mereka dan bukan kumpulan mereka (Trepte & Loy, 2017). Perbandingan sosial bukan sahaja merupakan proses asas dalam pembinaan identiti sosial seseorang individu dalam masyarakat, malah digunakan dalam tingkah laku. Perbandingan sosial digunakan dalam menentukan tingkah laku individu mengikut norma dan peraturan kumpulan dalam masyarakat. Kaitan antara proses pengkategorian sosial dan perbandingan sosial dapat dilihat apabila perbandingan sosial yang dilakukan adalah bergantung kepada pengkategorian sosial yang berlaku ke atas seseorang individu oleh individu lain. Pengkategorian sosial yang berlaku ke atas seseorang individu menjadikan individu tersebut dilihat sebagai prototaip yang berfungsi dalam proses perbandingan sosial antara sesuatu ahli kumpulan dengan bukan ahli kumpulan dalam satu situasi yang sama (Hogg et al., 2004). Oleh hal yang demikian, proses pengkategorian sosial dan proses perbandingan sosial merupakan proses asas pembentukan identiti sosial yang saling berkaitan.





Manakala proses identifikasi sosial adalah satu proses identifikasi individu dengan kumpulan atau kategori sosial. Dalam proses ini, individu memahami dan mengenali diri berdasarkan kepada kumpulan atau kategori sosial individu tersebut. Apabila seseorang individu bertindak mengikut satu identiti sosial, individu tersebut tidak lagi bertindak sebagai karakter dirinya, tetapi bertindak mengikut identifikasi sosial yang dikongsi antara ahli kumpulan sosial (Hopkins, 2015). Proses identifikasi sosial berkait rapat dengan dua proses asas lain dalam pembinaan identiti sosial iaitu perbandingan sosial dan pengkategorian sosial. Proses mengelaskan individu lain mengikut kumpulan dalam kategori sosial dan membuat perbandingan dengan individu bukan ahli kumpulan membolehkan seseorang individu menentukan tingkah laku yang menggambarkan identiti sosial yang telah diidentifikasi.



Pemilihan teori identiti sosial sebagai teori kepada kajian ini adalah berdasarkan pembinaan identiti yang ingin dilihat adalah di peringkat kumpulan dalam masyarakat. Tujuan kajian adalah untuk melihat pembinaan identiti dalam konteks masyarakat pelbagai budaya. Oleh hal yang demikian, tiga proses dalam teori ini iaitu pengkategorian sosial, perbandingan sosial dan identifikasi sosial adalah proses yang dapat membantu menghuraikan proses pembinaan identiti di peringkat kumpulan. Selain itu, teori identiti sosial ini dapat menghuraikan perancangan pembentukan identiti yang dapat digunakan dalam usaha pembentukan identiti nasional.

Hal ini demikian kerana, identiti nasional juga merupakan satu daripada identiti sosial yang wujud dalam masyarakat di sesuatu negara. Seseorang individu mempunyai beberapa identiti sosial dalam satu-satu masa. Keadaan ini selari dengan konsep





pelbagai identiti oleh William James (1890) yang menyatakan seseorang individu mempunyai pelbagai diri yang meliputi material, spiritual, sosial dan ego (Lemert, 2017). Kepelbagaian identiti sosial yang dipegang oleh seseorang individu menyebabkan pengaktifan sesuatu identiti sosial itu bergantung kepada keterikatan individu tersebut terhadap satu-satu identiti sosial. Keterikatan individu terhadap satu-satu identiti sosial ini adalah bergantung kepada capaian dan komitmen individu terhadap identiti sosial (Burke & Stets, 2009). Oleh hal yang demikian, usaha pembentukan identiti nasional sebagai sebuah identiti sosial memerlukan elemen capaian dan komitmen kepada identiti nasional diperhalusi.

Maka, identiti sosial dalam konteks masyarakat pelbagai budaya adalah melibatkan kepelbagaian identiti sosial yang wujud berikutan kepelbagaian budaya dalam masyarakat. Kepelbagaian identiti sosial dalam masyarakat di Malaysia ini memerlukan satu hierarki identiti sosial dibentuk bagi membolehkan penilaian dibuat ke atas perancangan identiti nasional sedia ada. Penilaian ke atas keterikatan individu ke atas identiti sosial boleh dibuat melalui pengukuran ke atas elemen capaian dan komitmen individu terhadap satu-satu identiti sosial. Identiti sosial yang menduduki kedudukan lebih tinggi mempunyai kemungkinan lebih tinggi untuk diaktifkan dalam mana-mana situasi (Burke & Stets, 2009). Ini adalah sebab perlunya hierarki identiti sosial dalam masyarakat pelbagai budaya dibentuk. Kepelbagaian identiti sosial yang wujud dalam masyarakat menyebabkan pengaktifan sesuatu identiti sosial adalah bergantung kepada kedudukan identiti sosial itu sendiri.





1.7 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan golongan mahasiswa dan pegawai di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pemilihan mahasiswa dan pegawai di UPSI sebagai fokus kajian adalah melibatkan dua faktor iaitu umur dan status UPSI sebagai universiti pendidikan. Faktor umur sebagai faktor pemilihan mahasiswa sebagai kumpulan kajian adalah kerana rata-rata umur mahasiswa di universiti awam antara 18 tahun dan ke atas. Umur 16-20 disifatkan sebagai umur identiti dalam diri individu menjadi lebih kuat dengan peningkatan penerokaan identiti dengan lebih mendalam adalah sedikit (Klimstra & van Doeselaar, 2017). Permulaan pembentukan identiti dalam diri individu adalah pada zaman remaja yang disifatkan sebagai individu dari umur 10 ke 19 tahun (Csikszentmihalyi, 2019). Pemilihan kumpulan umur ini sebagai kumpulan kajian ini adalah sesuai kerana umur mahasiswa yang berada pada penghujung zaman remaja menuju ke peringkat dewasa. Kajian lain juga menunjukkan bahawa peningkatan umur mengurangkan perubahan identiti dan menjadikan identiti individu tersebut lebih stabil (Hui, Law, & Tsang, 2012). Oleh sebab itu, kajian yang bersifat mengukur identiti sosial ke atas kumpulan mahasiswa ini dilihat bersesuaian kerana identiti yang wujud adalah bersifat stabil.

Faktor kedua pemilihan mahasiswa dan pegawai UPSI adalah kerana status UPSI sebagai sebuah universiti awam yang berfokuskan pendidikan di Malaysia. Pemilihan untuk memfokuskan kajian di dalam universiti adalah kerana pendidikan merupakan alat penting dalam pembentukan dan perkembangan rasa kebangsaan (Lowe, 1999). Pendidikan juga amat ditekankan sebagai asas dalam pembinaan negara





bangsa dan pengukuhan perpaduan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Maka, kajian ini dihadkan ke atas mahasiswa universiti awam pada peringkat awal. Status UPSI sebagai sebuah universiti berfokus pendidikan membolehkan penyelidik memilih untuk menghadkan kajian ke atas mahasiswa dan pegawai UPSI. Status UPSI sebagai universiti berfokus pendidikan juga bermaksud kebanyakan mahasiswa UPSI menjalani program ijazah dengan pendidikan dan akan bekerja sebagai guru.

Selain itu, fokus kajian juga turut tertumpu kepada hierarki identiti sosial mahasiswa mengikut kategori sosial dalam masyarakat pelbagai budaya oleh Banks (2016) iaitu etnik, agama, gender, keupayaan mental dan fizikal, status sosioekonomi dan gender. Hierarki identiti sosial ini penting untuk meneliti tahap keterikatan mahasiswa terhadap identiti sosial dalam enam kategori sosial yang telah ditetapkan. Hal ini demikian kerana identiti sesebuah negara memberi kesan kepada identiti sosial seperti mana identiti nasional, etnik, agama dan kelas memberi impak kepada pembentukan identiti sosial yang lain (İnaç & Ünal, 2013). Impak pembentukan sesuatu identiti sosial kepada identiti sosial yang lain menunjukkan keperluan untuk penelitian secara menyeluruh apabila membincangkan berkenaan pembentukan identiti nasional. Penelitian berfokus terhadap identiti sosial dalam masyarakat pelbagai budaya ini bertujuan untuk membuat perbandingan dasar, polisi dan perancangan pembentukan identiti nasional sedia ada dan hierarki identiti sosial dalam masyarakat yang terkini.

Oleh hal yang demikian, fokus kajian ini juga tertumpu kepada perancangan yang digunakan oleh UPSI dalam pembentukan identiti nasional dalam kalangan mahasiswa universiti. Proses mengenal pasti perancangan pembinaan identiti nasional





yang sedia ada di UPSI adalah bertujuan melihat perancangan yang diguna pakai universiti berfokus pendidikan bagi membentuk identiti nasional dalam kalangan mahasiswa mereka. Sebagai contoh perancangan yang diguna pakai oleh universiti adalah dalam bentuk subjek atau polisi yang dirangka oleh kementerian bagi dilaksanakan oleh pihak pengurusan universiti. Di samping dasar, polisi dan perancangan di peringkat nasional, perancangan yang dijalankan di peringkat mikro iaitu institusi dan agensi pelaksana adalah penting bagi memastikan kelancaran pembentukan identiti nasional itu sendiri seperti program patriotisme atau polisi khusus berkenaan persatuan mahasiswa.

Oleh hal yang demikian, kajian ini berfokus kepada warga universiti yang meliputi kakitangan pentadbiran dan mahasiswa UPSI. Dalam aspek bidang tumpuan, kajian ini kemudiannya terbatas kepada persoalan identiti sosial dan perancangan pembinaan identiti nasional oleh pentadbiran UPSI.

1.8 Definisi Operasional

Bahagian ini akan membincangkan takrifan makna bagi istilah-istilah penting yang digunakan sepanjang kajian ini. Antaranya ialah identiti nasional, negara-bangsa dan masyarakat pelbagai budaya. Huraian berkenaan makna setiap terma ini serta perdebatan berkenaan istilah ini dihuraikan secara ringkas dalam bahagian di bawah.





1.8.1 Identiti Nasional

Identiti nasional dikatakan sebagai satu komuniti yang berkongsi jalur keturunan yang sama (Dahbour, 2002). Perkongsian jalur keturunan ini adalah kerana dalam hal pembentukan identiti nasional, persamaan yang dikongsi oleh ahli dalam masyarakat membentuk satu hubungan yang membawa kepada pembentukan identiti nasional. Hubungan ini penting kerana hubungan ini berkait rapat dengan kesedaran ahli masyarakat itu sendiri tentang keunikan mereka yang membawa kepada pembentukan identiti itu sendiri. Apa yang membezakan identiti etnik daripada identiti nasional adalah pendefinisian etnik adalah bergantung kepada orang lain manakala pendefinisian identiti nasional adalah bergantung kepada masyarakat itu sendiri (Dahbour, 2002). Kepentingan identiti nasional mendahului identiti sosial yang lain dapat dilihat melalui gerakan nasionalisme dalam sesebuah negara yang sangat mementingkan identiti nasional sehingga mewajarkan tindakan mengorbankan nyawa. Perkara ini disebut oleh Poole (1999) yang menyebut,

For the past two centuries or more, a good deal of rhetoric and a not inconsiderable amount of blood have been expended to demonstrate that our national identity is the primary form of identity available to us, that it underlies and informs all our other identities, and that in case of conflict it should take priority over them.

(Poole, 1999, ms 61)





Kenyataan yang disebut oleh Poole (1999) ini merujuk kepada gerakan nasionalisme di sesebuah kawasan dalam usaha gerakan tersebut untuk merealisasikan matlamat mereka dalam membina sebuah negara. Sering kali gerakan nasionalisme di sesebuah tempat ini melibatkan pertumpahan darah. Antaranya adalah seperti kematian Tok Janggut yang melawan campur tangan British dalam pemerintahan negeri Kelantan pada tahun 1915 (Haslinda & Hussain, 2015).

Identiti nasional sesuatu negara dilihat melalui cara sesuatu imej ditunjukkan, dalam erti kata lain, manusia ingin dinilai berdasarkan makna yang ingin disampaikan (McCrone & Bechhofer, 2015). Rakyat negara Britain sebagai contohnya melihat kemampuan berbahasa Inggeris sebagai ciri penting dalam menentukan identiti nasional British seseorang (Kiss & Park, 2014). Dalam hal ini, rakyat Britain melihat bahasa sebagai cara identiti nasional dapat ditunjukkan dan menjadi sebahagian daripada perkara yang dimaksudkan apabila menyebut tentang identiti nasional Britain.

Pembinaan identiti nasional dilihat sangat penting dalam mewujudkan perasaan kebersamaan dan pemilikan oleh masyarakat ke atas negara yang telah dibentuk. Setiap negara mempunyai ciri tersendiri dalam menentukan individu yang berhak menjadi ahli kepada identiti nasional negara tersebut. Negara Britain bukan sahaja melihat kemampuan berbahasa Inggeris individu dalam menentukan keahlian identiti nasional, faktor lain seperti status warganegara dan tempat tinggal juga menjadi antara ciri penting penentuan identiti nasional seseorang (Kiss & Park, 2014). Setiap negara mempunyai cara tersendiri dalam mendefinisikan identiti nasional yang dipegang oleh masyarakat negara tersebut.





Pendefinisian identiti nasional di Malaysia adalah melibatkan implementasi dasar kebudayaan kebangsaan, dasar pendidikan dan dasar ekonomi baru. Dasar yang terlibat dalam pembinaan identiti nasional ini dihuraikan dalam sorotan literatur kajian ini. Identiti nasional merupakan satu komponen penting dalam pembentukan negara-bangsa. Identiti nasional mewujudkan satu persamaan antara warga dalam sesebuah negara melalui ciri-ciri tertentu sebagai satu langkah pembentukan bangsa. Oleh itu, pendefinisian identiti nasional di Malaysia hendaklah berdasarkan kepada hasrat dan kandungan Dasar Kebudayaan Kebangsaan dengan memberi tumpuan kepada kepelbagaian etnik dan agama yang terdapat di negara ini.

Pada masa yang sama, definisi identiti nasional di Malaysia juga harus mengambil kira kategori-kategori sosial yang lain termasuklah status sosioekonomi, gender, keupayaan mental dan fizikal serta bahasa. Kajian oleh Idris Aman, Rosniah Mustaffa dan Mohammad Fadzeli Jaafar (2010) menghuraikan berkenaan keterserlahan identiti tempatan dan nasional melalui penelitian ke atas kategori bahasa (Idris, Rosniah, & Mohammad Fadzeli, 2010). Kajian tersebut menyimpulkan identiti tempatan menjadi lebih terserlah berbanding identiti nasional apabila berlakunya keterpisahan wilayah. Prof Teo Kok Seng dalam syarahan beliau di Universiti Malaysia Pahang (UMP) juga menyatakan bahawa Malaysia gagal mengikuti konsep identiti linguistik negara sebagai identiti negara melalui Bahasa Melayu (Universiti Malaysia Pahang, 2019). Huraian tersebut menunjukkan dengan jelas terdapatnya perkaitan antara kepelbagaian bahasa dan identiti nasional.





Oleh hal yang demikian, kajian ini membuat penelitian terhadap pembentukan identiti nasional di peringkat universiti awam khususnya Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pembentukan identiti nasional di peringkat institusi memberikan gambaran aplikasi identiti nasional menurut definisi sedia ada. Maka, kajian ini membolehkan pendefinisian identiti nasional dihuraikan secara menyeluruh. Lensa masyarakat pelbagai budaya yang mencakupi kategori-kategori sosial yang lain seperti gender, bahasa, keupayaan mental dan fizikal serta status sosioekonomi dirangkumkan.

1.8.2 Negara-bangsa



Bangsa merujuk kepada sekumpulan manusia dalam jumlah yang besar yang merasakan bahawa mereka adalah dalam satu kumpulan melalui perkongsian satu ciri atau lebih seperti bahasa yang sama, agama atau ras, sejarah yang sama atau tradisi, satu set adat istiadat dan takdir yang sama (Rejai & Enloe, 1969). Manakala negara pula didefinisikan sebagai sebuah struktur politik yang bebas dan punya autonomi ke atas sebuah kawasan khusus, merangkumi satu sistem undang-undang yang komprehensif dan kuasa yang cukup bagi mengekalkan undang-undang dan ketenteraman (Rejai & Enloe, 1969). Pendefinisian negara dan bangsa secara berasingan ini menunjukkan perbezaan pendekatan pendefinisian dua konsep ini. Definisi negara adalah berasaskan perspektif politik dan undang-undang manakala definisi bangsa adalah berasaskan perspektif sosial dan budaya.





Maka, konsep negara-bangsa oleh hal yang demikian merujuk kepada masyarakat yang berkongsi ciri yang sama, menduduki satu kawasan yang mempunyai institusi politik dan undang-undang tersendiri. Walau bagaimanapun, tidak semestinya setiap negara mempunyai bangsa dan juga sebaliknya. Sylvia Walby (2003) dalam artikel beliau *The myth of the nation-state: Theorizing society and politics in a global era* menyatakan;

There are far more nations than states. It is rare for a territory to have one nation and the whole of that nation, and one state, and the whole of that state. Most nations and national projects do not have a state of their own; instead they often share a state with other nations and national projects.

(Walby, 2003, ms 531)



Penulis Sylvia Walby dalam tulisan beliau di atas memberikan contoh negara United Kingdom yang mempunyai bangsa *Irish, Scottish, English* dan *Welsh*.

Konsep negara-bangsa timbul ketika bangsa Eropah menghadapi masalah nasionalisme yang menyebabkan berlakunya peperangan dan revolusi antara bangsa Eropah (Rashidah, 2016). Konsep negara-bangsa pada masa tersebut berperanan dalam mengikat masyarakat di yang berada di bawah satu kerajaan melalui idea mereka sebagai satu komuniti negara. Konsep negara bangsa terdiri daripada tiga komponen utama iaitu negara, individu dan bangsa (Mohd Mahadee & Zaini, 2010). Individu berperanan sebagai penggerak kepada pembinaan negara dan bangsa, negara berperanan sebagai perantaraan antara masyarakat dan kerajaan manakala bangsa pula





merupakan sekumpulan individu yang percaya bahawa ahli antara kumpulan terikat antara satu sama lain melalui identiti yang sama.

Tiga komponen utama iaitu individu, negara dan kerajaan dapat dilihat dengan jelas dalam pembentukan negara-bangsa di seluruh dunia. Pembentukan negara-bangsa moden di Eropah dikatakan melalui dwi proses iaitu perpecahan empayar dan integrasi nasional (Ziblatt, 2006). Kedua-dua negara Itali dan Jerman merupakan sebahagian daripada empayar Rom yang kemudiannya jatuh, menghasilkan beberapa kerajaan baru di Eropah seperti Austria. Gerakan nasionalisme yang digerakkan oleh beberapa individu dalam kedua-dua negara ini membantu pembentukan negara Itali dan Jerman dengan sistem kerajaan tersendiri.



Konsep negara-bangsa, jelas sekali merupakan pendekatan kepada penyatuan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai entiti ke arah satu tujuan yang sama. Negara bangsa menyatukan masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kumpulan dengan latar budaya yang berbeza di bawah satu konsep negara bangsa bagi tujuan perpaduan masyarakat yang bernaung di bawah satu identiti nasional. Perkaitan identiti nasional dalam konsep negara-bangsa adalah kewujudan identiti nasional sebagai satu identifikasi oleh individu terhadap satu identiti yang menggambarkan masyarakat negara tersebut. Gambaran yang lebih jelas ialah identiti nasional sebagai identifikasi individu terhadap satu kumpulan negara manakala bangsa merujuk kepada sifat dan ciri kumpulan negara tersebut. Dalam konsep negara bangsa ini, kepelbagaian identiti sosial dari bermacam-macam latar budaya disatukan di bawah satu identiti nasional.





Kajian berkenaan pembentukan identiti nasional dalam masyarakat pelbagai budaya ini amat signifikan dalam pembentukan negara bangsa di Malaysia. Dalam usaha untuk membentuk Bangsa Malaysia, identiti nasional dalam kalangan masyarakat perlu diperkukuhkan bagi mewujudkan rasa kebersamaan antara masyarakat dalam sesebuah negara (bangsa). Melalui kewujudan sesebuah negara-bangsa, perpaduan antara rakyat dalam sesebuah negara dapat diperkukuhkan bagi menjamin keharmonian dan keamanan dalam masyarakat. Ini dapat diwujudkan melalui pembentukan identiti nasional dalam kalangan masyarakat sesebuah negara. Pembentukan ini kemudiannya mewujudkan semangat dan gerakan nasionalisme dalam kalangan masyarakat yang membentuk sebuah negara melalui kesedaran masyarakat yang telah terbentuk sebagai sebuah bangsa. Oleh itu, konsep negara-bangsa amat penting dalam memahami peranan identiti nasional dalam pembentukan perpaduan antara masyarakat di Malaysia.



Negara-bangsa merupakan tonggak penting dalam kajian ini kerana pembentukan dan penyerlahan identiti nasional adalah komponen utama dalam pembentukan negara-bangsa. Oleh hal yang demikian, perbincangan berkenaan negara-bangsa sebagai asas kepada identiti nasional turut dimuatkan dalam tinjauan literatur kajian. Huraian berkenaan identiti dan Bangsa Melayu di bahagian latar belakang kajian juga merupakan salah satu isu yang wujud dalam pembentukan negara-bangsa di Malaysia.





1.8.3 Masyarakat Pelbagai Budaya

Masyarakat pelbagai budaya merujuk kepada kewujudan pelbagai kumpulan yang mempunyai pelbagai budaya dalam satu masyarakat. Pembentukan masyarakat pelbagai budaya di Malaysia berasal daripada migrasi besar-besaran kumpulan daripada negara China dan India sebagai tenaga buruh oleh British (Mas Juliana, 2003). Pelbagai faktor yang menyumbang kepada migrasi kumpulan-kumpulan ini. Faktor tersebut meliputi kemakmuran ekonomi di Tanah Melayu pada zaman penjajahan British, pengangguran dan kemiskinan di tanah air kumpulan yang bermigrasi serta bencana alam yang turut menimpa tanah air mereka (Azmah, 2001). Migrasi kumpulan-kumpulan ini, yang pada asalnya bersifat sementara, kemudiannya bertukar menjadi kekal dengan keluarga kumpulan-kumpulan ini dibawa ke Tanah Melayu. Hubungan antara penduduk asal Tanah Melayu iaitu etnik Melayu dengan etnik pendatang iaitu Cina dan India ketika zaman pemerintahan British juga tidaklah harmoni sepanjang masa dan bebas dari prasangka antara kaum (Hirschman, 1986). Hal ini kerana campur tangan politik dalam sistem pemerintahan di Tanah Melayu oleh British telah mewujudkan demografi yang tidak stabil serta rasa curiga dan takut antara etnik disebabkan pengamalan polisi pecah dan perintah.

Kemerdekaan yang dicapai oleh Tanah Melayu pada tahun 1957 dan pembentukan Malaysia pada tahun 1963 telah menyediakan asas kukuh kepada pembinaan satu negara yang merdeka dan memerintah secara sendiri. Pola kependudukan dan pekerjaan etnik Melayu, Cina dan India sebelum kemerdekaan terasing mengikut kawasan dan kegiatan ekonomi yang dijalankan. Dasar yang





diamalkan oleh British dalam konteks ekonomi memisahkan etnik Melayu dalam aktiviti ekonomi berasaskan pertanian tanpa gaji manakala etnik bukan Melayu dalam aktiviti ekonomi kapitalisme bergaji (Noor & Leong, 2013). Oleh hal yang demikian, etnik Melayu banyak menetap di kawasan luar bandar, etnik India banyak menetap di estet atau ladang manakala etnik Cina banyak menetap di kawasan bandar. Pengasingan etnik mengikut kawasan dan kegiatan ekonomi sebelum kemerdekaan adalah bertujuan untuk mengekalkan dominasi ekonomi penjajah British (Adam, 2003). Pemisahan etnik mengikut kawasan dan kegiatan ekonomi ini menjadikan hubungan antara etnik di Tanah Melayu pada ketika itu sukar digerakkan ke arah satu bangsa.

Walau bagaimanapun, hubungan antara etnik yang berlainan budaya di Tanah

Melayu tidak berasal daripada proses migrasi besar-besaran yang berlaku di era penjajahan British. Kewujudan interaksi antara etnik yang berlainan dapat dilihat sejak era Kesultanan Melayu melalui rombongan yang dihantar kerajaan China ke Melaka (Watson & Andaya, 1982). Kedudukan Melaka yang terletak dalam laluan perdagangan antara negara China dan India ketika itu telah menarik pedagang dari segenap pelosok dunia untuk menjalankan perniagaan di pelabuhan tersebut. Pelabuhan Melaka pada ketika itu mempunyai populasi pelbagai etnik berikutan pedagang yang telah menetap di pelabuhan dan mempunyai wakil perdagangan sendiri bagi menguruskan hal-hal berkaitan perdagangan di kawasan pelabuhan (Hussin, 2007). Kewujudan interaksi antara etnik sebelum kemasukan penjajah Belanda di Melaka bukan sahaja dapat dilihat melalui hubungan perdagangan semata-mata. Sebahagian daripada pedagang yang telah menetap di pelabuhan seperti Melaka ini kemudiannya berkahwin dengan masyarakat tempatan. Keturunan seperti Baba Nyonya terbentuk melalui perkahwinan





antara etnik Cina dan Melayu yang kemudiannya mengamalkan budaya yang mempunyai pengaruh Melayu (Kawangit, 2015). Jelas di sini menunjukkan hubungan antara etnik di Tanah Melayu bukanlah sesuatu yang terbentuk bermula dari penjajahan British.

Pada masa kini, hubungan etnik di Malaysia bukan sahaja dapat dilihat melalui kegiatan ekonomi, malah dalam kegiatan politik dan sosial. Penubuhan Parti Perikatan pada tahun 1953 di Tanah Melayu menandakan kerjasama pertama antara kumpulan berlainan etnik dalam kegiatan politik, melalui kerjasama antara parti *United Malay National Organisation* (UMNO) dan *Malaya Chinese Association* (MCA) yang masing-masing mewakili etnik Melayu dan Cina di Tanah Melayu (Arkib Negara Malaysia, 2019). Setahun selepas penubuhan Parti Perikatan, *Malayan Indian Congress* (MIC) bergabung dengan Parti Perikatan, melengkapkan tiga parti mewakili etnik majoriti di Tanah Melayu sebelum kemerdekaan. Parti Perikatan kini berubah nama kepada Barisan Nasional dan memenangi majoriti kerusi dalam pilihan raya umum pertama sehingga pilihan raya umum Malaysia ke-13. Sehingga kini, pengaruh etnik dapat dilihat dengan jelas dalam sistem politik di Malaysia. Selepas kekalahan Barisan Nasional pada pilihan raya umum ke-14 pada tahun 2018, *United Malay National Organisation* (UMNO) dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), masing-masing parti dengan majoriti ahli daripada etnik Melayu kini bekerjasama bagi menghadapi pilihan raya akan datang (Zainul, 2019).





Pembentukan masyarakat pelbagai budaya di Malaysia yang telah dihuraikan menunjukkan penglibatan kategori sosial selain etnik. Misalannya, kategori status sosioekonomi memberi kesan kepada penghijrahan etnik Cina dan India ke Tanah Melayu. Ini disebut melalui faktor penghijrahan etnik Cina dan India yang majoritinya melibatkan faktor ekonomi. Faktor seperti kemakmuran ekonomi Tanah Melayu, pengangguran dan kemiskinan di negara asal jelas merupakan faktor ekonomi yang mendorong penghijrahan etnik Cina dan India ke Tanah Melayu pada zaman penjajahan British.

Penglibatan kategori sosial seperti bahasa juga tidak boleh dinafikan. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan disifatkan sebagai wahana bagi membina 'himpunan memori' sebagai orang Melayu (Abdullah, 2007). Penguatkuasaan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan adalah sebagai satu cara pembinaan identiti nasional berasaskan hasrat dan kandungan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Kepelbagaian identiti bahasa di Malaysia bukan sahaja memberi impak kepada pembentukan identiti nasional, malah juga kepada identiti etnik. Kajian oleh How, Chan dan Ain Nadzimah (2015) menghuraikan kepelbagaian bahasa di Malaysia serta vitaliti setiap bahasa tersebut. Kajian ini menunjukkan bahasa memainkan peranan yang penting dalam pembentukan identiti etnik kerana vitaliti bahasa berasaskan etnik yang tinggi (How, Chan, & Ain Nadzimah, 2015).

Kajian ini menerapkan konsep masyarakat pelbagai budaya dengan meletakkan elemen kepelbagaian budaya sebagai kategori sosial yang mengandungi kumpulan sosial masing-masing. Penelitian berkenaan identiti sosial dalam masyarakat pelbagai





budaya kemudiannya dapat dilakukan melalui kerangka kepelbagaian budaya yang telah ditetapkan. Selanjutnya, pendekatan ini membantu dalam proses penelitian pembentukan identiti nasional sebagai sebuah identiti sosial dalam masyarakat pelbagai budaya di Malaysia.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti pembinaan identiti berdasarkan konteks masyarakat pelbagai budaya dalam kalangan mahasiswa UPSI. Dapatan kajian ini akan dapat menjawab persoalan berkenaan identiti sosial dalam masyarakat pelbagai budaya serta perancangan sedia ada yang diguna pakai dalam pembentukan identiti nasional berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Kajian ini memberi sumbangan penting kepada golongan yang terlibat dalam pembentukan identiti nasional iaitu pelajar, pensyarah, kakitangan universiti, pihak UPSI serta Kementerian Pendidikan Malaysia.

Proses pengenalanpastian identiti sosial dalam kalangan mahasiswa membantu membina pengetahuan dengan lebih mendalam berkenaan identiti dalam kalangan mahasiswa universiti, khususnya UPSI. Pengetahuan berkenaan dengan identiti sosial ini penting bagi memastikan mahasiswa mampu menyesuaikan diri mereka dalam masyarakat. Selain daripada itu, pengetahuan berkenaan identiti sosial dalam kalangan mahasiswa ini juga membantu pensyarah khususnya di Universiti Pendidikan Sultan





Idris (UPSI) untuk menyesuaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan kumpulan yang pelbagai identiti sosial. Pengetahuan berkenaan identiti sosial dalam kalangan mahasiswa ini juga penting bagi pihak pengurusan UPSI bagi merangka kaedah pengurusan terbaik untuk mahasiswa yang pelbagai identiti sosial, meliputi identiti etnik, agama, bahasa, gender, keupayaan mental dan fizikal serta status sosioekonomi.

Pembentukan hierarki identiti sosial dalam objektif kedua kajian ini adalah penting bagi melihat keterikatan mahasiswa kepada sesuatu identiti sosial. Keterikatan mahasiswa terhadap sesuatu identiti sosial ini membantu pensyarah untuk merangka kaedah yang bersesuaian bagi menggalakkan interaksi antara mahasiswa yang berlainan identiti sosial sama ada dalam dewan kuliah, mahupun luar dewan kuliah. Bukan itu sahaja, pengetahuan berkenaan keterikatan mahasiswa terhadap sesuatu identiti sosial ini juga penting dalam merangka kaedah bersesuaian di peringkat pengurusan tertinggi universiti bagi membentuk identiti nasional. Hal ini kerana kaedah pembentukan identiti nasional akan mempunyai cabaran yang lebih besar jika menggugat identiti sosial mahasiswa yang mempunyai keterikatan yang tinggi.

Analisis perancangan dan kaedah pembentukan identiti nasional dalam kajian ini penting untuk melihat kesesuaian perancangan dan kaedah sedia ada dengan komposisi mahasiswa pelbagai identiti sosial dalam kampus. Oleh hal yang demikian, penilaian semasa ke atas perancangan dan kaedah pembentukan identiti nasional mengikut kepelbagaian identiti sosial ini adalah signifikan bagi memberikan gambaran sebenar kesesuaian perancangan dan kaedah sedia ada. Bukan itu sahaja, langkah





susulan seperti ruang penambahbaikan dapat dikenal pasti melalui analisis perancangan dan kaedah pembinaan identiti nasional dalam kalangan mahasiswa di UPSI. Analisis perancangan dan kaedah di peringkat UPSI ini dapat membantu Kementerian Pendidikan dalam melakukan penambahbaikan atau program susulan untuk pembentukan identiti nasional dalam kalangan mahasiswa.

1.10 Penutup

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan pembentukan identiti nasional dalam kalangan masyarakat pelbagai budaya yang dibahagikan kepada beberapa bahagian. Huraian berkenaan maklumat kajian telah dijelaskan secara mendalam dalam bahagian pendahuluan serta latar belakang kajian. Manakala, permasalahan kajian membincangkan permasalahan yang membawa kepada keperluan kajian ini dijalankan. Perbincangan ini kemudiannya membawa kepada objektif serta persoalan kajian ini serta teori yang menjadi asas rujukan kepada proses kajian ini iaitu Teori Identiti Sosial. Penerangan berkenaan fokus kajian ini kemudiannya dimuatkan dalam bahagian skop dan batasan kajian. Kemudiannya diikuti dengan penerangan berkenaan definisi bagi istilah penting dalam kajian ini iaitu identiti nasional, negara-bangsa dan masyarakat pelbagai budaya. Bab seterusnya iaitu tinjauan literatur akan menghuraikan secara khusus berkenaan teori dan konsep yang menjadi asas dalam kajian ini. Teori dan konsep ini meliputi teori identiti sosial, negara-bangsa, identiti nasional, masyarakat pelbagai budaya dan peranan pendidikan. Huraian dalam bab seterusnya juga akan melihat hubungan antara teori dan konsep-konsep yang dinyatakan di atas.

